

02 DEC 1998

Rahsia-Akhbar

UMNO, KERAJAAN PERLU TELITI SEMULA PROSEDUR RAKAMAN MESYUARAT

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Umno dan kerajaan perlu meneliti semula prosedur rakaman mesyuarat-mesyuarat tertutup bagi memastikan tidak berlaku kebocoran rahsia, menurut Utusan Malaysia hari ini.

Akhbar itu yang mempunyai jumlah edaran paling tinggi di negara ini berpendapat perbuatan membocorkan rakaman mesyuarat tertutup Majlis Tertinggi (MT) Umno seperti yang berlaku berkaitan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 Sept perlu dibanteras.

"Atas faktor keselamatan dan menjaga integriti mereka yang menghadiri mana-mana mesyuarat, perbuatan membocorkan rakaman seperti yang berlaku sekarang perlu segera dibanteras," kata akhbar itu dalam ruangan lidah pengarangnya.

Ia mengingatkan bahawa pembocoran rakaman-rakaman mesyuarat tertutup itu bukan pertama kali berlaku bahkan Julai lepas, kaset rakaman mesyuarat antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan jawatankuasa penyelarasan undang-undang Islam di Pusat Islam turut disebar secara meluas.

Anggota parti atau pegawai kerajaan yang dikenalpasti menjual rahsia perlu dikenakan tindakan tegas kerana gejala itu tidak sihat untuk negara dan pentadbiran kerajaan, katanya, yang turut mempersoalkan bagaimana jika rakaman mesyuarat rahsia kerajaan dan kementerian sensitif seperti Pertahanan diperolehi orang asing.

Menurut Utusan lagi, kerahsiaan yang dijaga rapi adalah merupakan lambang sebuah pentadbiran yang berdisiplin.

"Sekiranya rahsia-rahsia sudah tidak boleh dikawal lagi, dibocorkan orang di sana sini, jangan hairan jika suatu masa kelak kerajaan dan negara menghadapi ancaman serius dari segi ekonomi, politik dan pertahanan," tambahnya.

Katanya, rakaman mesyuarat tertutup Umno, tulang belakang kerajaan, yang kini dijual meluas dengan harga RM8 tiap satu di tepi-tepi jalan tidak wajar diperlakukan seumpama itu.

Ia bukan sahaja boleh dieksploit oleh parti-parti pembangkang, malah dalam beberapa kes rakaman kaset selama dua jam itu telah diolah semula dengan memasukkan suara pengulas, yang mengulas perbincangan anggota MT yang berbincang mengenai dakwaan salah laku seks bekas Timbalan Perdana Menteri itu, tambah Utusan.

-- BERNAMA

MNY ZB